

NO. SOALAN : 421

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN MOHAMED HANIPA BIN
MAIDIN [SEPANG]**

SOALAN :

**YB. Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta MENTERI
PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan bilakah pembinaan
Perpustakaan Awam akan dibina di tapak yang telah disediakan di Bandar
Baru Salak Tinggi.**

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) belum menerima permohonan pembinaan Perpustakaan Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat boleh mengemukakan permohonan projek ini kepada Perpustakaan Negara Malaysia atau Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS) untuk pertimbangan bagi membiayai pembinaan perpustakaan awam ini. Sehingga kini, terdapat sebuah 7 buah perpustakaan telah dibina di daerah Sepang iaitu sebuah Perpustakaan Awam Pekan dan 6 buah Perpustakaan Desa seperti berikut :-

BIL.	PERPUSTAKAAN	TADBIR URUS
1.	Perpustakaan Awam Pekan Sungai Pelek, Sepang	PPAS
2.	Perpustakaan Desa Jenderam Hilir, Sepang	PPAS
3.	Perpustakaan Desa Kg. Dato' Ahmad Razali, Dengkil, Sepang	PPAS
4.	Perpustakaan Desa Kg. Sungai Merab, Kajang, Sepang	PPAS
5.	Perpustakaan Desa Bagan Lalang, Sungai Pelek, Sepang	PPAS

BIL.	PERPUSTAKAAN	TADBIR URUS
6.	Perpustakaan Desa Bukit Bangkong, Sepang	PPAS
7.	Perpustakaan Desa Kg. Hulu Chuchoh, Sungai Pelek, Sepang	PNM

Sekian, terima kasih.

RT43/422

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN [SEPANG]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kerajaan akan membina sebuah Sekolah Menengah di Taman Kota Warisan iaitu sebuah Township yang semakin bertambah penduduk dan jumlah anak yang bersekolah Menengah.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) prihatin terhadap keperluan sekolah terutamanya di kawasan-kawasan yang padat penduduk. Oleh yang demikian, dalam perancangan pembangunan pendidikan, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri, merancang pembinaan sekolah menengah baharu di kawasan-kawasan tersebut, termasuk di Taman Kota Warisan, bagi menyediakan kemudahan pendidikan yang mencukupi dan lengkap kepada masyarakat yang terlibat. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.